
Surat nukilan Darwisy bakar semangat Menteri Pendidikan

Oleh Mahani Ishak - Disember 13, 2023 @ 7:25pm
mahani@bh.com.my



Menemui Yang Berhormat Fadhlina Binti Sidek
Menteri Pendidikan Malaysia yang kini berada
di Putrajaya. Semoga Yang Berhormat berada
dalam keadaan sihat di samping keluarga
tersayang.

Yang Berhormat,

Apa khabar? Maaf sekiranya kehadiran warkah
ini menggangu Yang Berhormat. Tujuan saya
menulis surat ini adalah untuk bertanya
khabar Yang Berhormat. Nama saya ialah
Muhammad Darwisy Aimi
dari kelas . Saya merupakan anak
sulung dalam keluarga dan mempunyai 2
orang adik beradik.

Saya mahu mengambil kesempatan ini untuk
mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat
atas pelantikan sebagai Menteri Pendidikan
Malaysia yang baharu. Saya berpeluang
bersua dan berjabat mata dengan Yang
Berhormat ketika Majlis Apresiasi Pendidikan
pada tahun 2022 di sekolah saya. Bersama
surat ini, saya sertakan dua keping gambar

Surat nukilan yang dihantar murid bernama Muhammad Darwisy Aimi kepada Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek. - Foto ihsan FB Fadhlina Sidek.

KUALA LUMPUR: Sistem pendidikan negara akan dibangunkan dengan sebaik-baiknya demi kesejahteraan dan masa depan anak Malaysia, kata Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Beliau berkongsi tekadnya itu menerusi catatan pada akaun Facebook dan platform sosial X hari ini, ketika mengucapkan terima kasih kepada murid bernama Muhammad Darwisy Aimi yang menulis surat kepadanya untuk bertanya khabar.

"Ke hadapan Adik Darwisy, Alhamdulillah saya serta keluarga sihat sejahtera. Terima kasih kerana sudi menukilkan warkah istimewa kepada saya.

"Nukilan adik, saya jadikan kata semangat untuk terus berusaha sebaiknya dalam membangunkan sistem pendidikan negara, demi kesejahteraan dan masa depan anak-anak Malaysia.

"Saya doakan keafiatan dan kejayaan untuk adik dan sentiasalah berbuat baik sesama insan.

"Semoga adik dan keluarga sihat walafiat dan sentiasa dalam lindungan-Nya," katanya sambil turut menyiarkan surat bertulisan tangan murid berkenaan.

Surat format tidak rasmi dua muka surat itu diterima Pejabat Menteri Pendikan pada 6 Disember lalu, memperlihat tulisan kemas, huraian tersusun Muhammad Darwisy Aimi yang turut memaklumkannya mereka berdua pernah bersua ketika Majlis Aspresiasi Pendidikan yang berlangsung di sekolahnya tahun lalu.

Murid terbabit yang juga anak sulung dan mempunyai dua adik beradik, turut menyampaikan ucapan terima kasih kepada Fadhlina kerana terus membenarkan murid berpakaian sukan untuk ke sekolah, susulan cuaca panas melampau.

Semakan mendapati sehingga Ogos lalu, Kementerian Pendidikan (KPM) masih belum membuat sebarang ketetapan atau garis masa berhubung pemakaian semula pakaian seragam ke sekolah.

Berikutan itu, semua pelajar dan murid sekolah dibenarkan memakai pakaian sukan seperti biasa.

Sebelum ini Fadhlina dilaporkan berkata, pihaknya memberi kebenaran itu biarpun keadaan cuaca pada masa ini semakin baik.

Mengulas lanjut, Fadlina berkata, nukilan surat itu membuatkan hatinya tersentuh dan menganggap warkah itu istimewa.

"Saya sungguh terharu apabila menerima surat istimewa ini dan saya amat mengalu-alukan anak-anak untuk menghantar warkah kepada saya.

"Terima kasih atas sokongan ini dan saya tunggu kedatangan warkah anak-anak yang lain," katanya yang turut menggalakkan murid lain menulis surat kepadanya.

"Terima kasih daun keladi, ada masa tulis surat lagi," katanya.

Fadhlina antara menteri yang kekal dalam senarai rombakan Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.